

OUT U

GEMPAK.

WEEKLY EDITION



TEROKA GELAPNYA DEPRESI,

**MIERUL AIMAN &
SHASHA ABEDUL**

DALAM PROJEK; EXIT

MIERUL AIMAN & SHASHA ABEDUL



Pelakon Mierul Aiman, yang dikenali dengan watak-watak ikonik dalam naskhah terkenal tanah air, kembali menerusi siri drama Projek; Exit.

Juara Hero Remaja 2021 ini mengakui bahawa membawa watak Hadi dalam drama tersebut adalah satu cabaran yang tidak mudah baginya.

"Drama ini memberikan saya nafas baharu kerana ia mendorong saya untuk melangkaui batas kebiasaan. Kali pertama saya melihat skrip Hadi, saya terkejut kerana watak ini sangat berbeza dan jauh daripada apa yang pernah saya bawa sebelum ini," katanya kepada Gempak.

Mierul juga menyatakan bahawa kekuatan skrip dan jalan cerita drama ini sangat membantu dirinya mendalamai watak Hadi dengan lebih dekat.

"Skrip memainkan peranan penting untuk membolehkan pelakon merasai perasaan watak sepenuhnya. Watak Hadi memaksa saya untuk memahami dirinya secara mendalam, dan saya tidak menyangka saya dapat mendalamai watak itu sedalam ini. Sokongan daripada barisan pelakon hebat juga membuatkan saya lebih terlibat dalam dunia Projek; Exit," tambahnya.

Sementara itu, Shasha Abedul, yang memegang watak heroin bernama Jannah, mengakui bahawa naskhah ini yang penuh dengan mesej mendalam, memberikan cabaran besar dari segi mental.

"Cabaran paling sukar adalah memikul tanggungjawab untuk menonjolkan emosi dan menyampaikan mesej yang benar kepada penonton. Saya pernah mengalami 'breakdown' ketika berada di set kerana karakter ini sangat mengganggu emosi dan mental saya. Memainkan watak Jannah terasa amat berat," katanya.

Mengenai persiapannya untuk watak ini, Shasha mendedahkan bahawa semua pelakon telah menjalani kelas lakonan sebelum memulakan penggambaran.

"Dalam tempoh hampir sebulan sebelum penggambaran, kami diberikan peluang untuk menyertai kelas lakonan bagi mempersiapkan diri dengan lebih baik untuk watak kami," ujarnya.

Projek; Exit yang diarahkan oleh Zulaikha Zakaria akan ditayangkan secara eksklusif di Astro mulai 1 November 2024. Selain Mierul Aiman, drama ini turut menampilkan pelakon-pelakon seperti Nabila Huda, Naim Daniel, Shasha Abedul, dan ramai lagi. - UMIRAH HALIM

Sinopsis Projek; Exit

Selepas gagal dalam percubaan membunuh diri, seorang remaja perempuan yang mengalami masalah depresi dihantar ke asrama juvana/pusat pemulihan akhlak. Di sana, dia bertemu seorang remaja lelaki, dan mereka berdua berkomplot untuk melarikan diri dari pusat tersebut.

Bercerai Tapi Kekal Baik, Salute Buat 4 Aktres Jelita Ini

Sama seperti kematian, jodoh juga adalah rahsia Allah yang tidak dapat ditebak oleh manusia. Begitulah juga, tidak ada individu yang berkahwin untuk bercerai. Namun sebagai manusia biasa yang mampu merancang, ketentuan Ilahi tidak pernah dapat diatasi. Perceraian pun berlaku meski sebelumnya baik sang suami juga si isteri keduanya sudah puas berusaha menyelematkan rumah tangga yang dibina. Fasa pahit perceraian ini juga terpaksa dilalui oleh ramai selebriti tempatan. Bagaimanapun di sebalik perceraian, masih ada selebriti yang memilih mengekalkan hubungan baik dengan bekas pasangan masing-masing, menjaga aib serta menikmati kehidupan baharu.

Siapakah mereka?



Fasha Sandha - Jejai

Aktres Fasha Sandha pernah berkahwin dengan Rizal Ashram Ramli atau dikenali sebagai Jejai pada 27 April 2012.

Namun Fasha dan Jejai bercerai pada 20 Januari 2016. Hasil perkahwinan itu, mereka dikurniakan dua cahaya mata iaitu Putra Rayfal, 4 dan Putri Raysha Jemyma, 3 tahun.

Meski bercerai, Fasha yang kini sudah menjadi isteri Aidil Aziz sejak tahun 2019 masih menjalin hubungan baik bukan hanya bersama Jejai tetapi dengan bekas keluarga mentuanya. Jejai juga dilihat selalu memberi sokongan dan menghadiri pelbagai majlis yang membabitkan anaknya bersama Fasha selain berkumpul di hari raya.



Nora Danish - Jejai - Nedim

Buat hati paling comel dan kesayangan ramai peminat, Nora Danish mengalami dua kali episod duka perceraian.

Nora pertama kali menikah dengan Rizal Ashram Ramli atau Jejai pada 2006 sebelum perkahwinan mereka musnah dua tahun kemudian. Bersama Jejai, Nora dikurniai seorang anak lelaki, Putra Rayqal yang kini sudah berusia 15 tahun.

Aktres ini kemudian bertemu jodoh buat kali kedua dengan Nedim Nazri, berkahwin pada 2017 sebelum sekali lagi bercerai pada Julai 2024. Hasil hidup bersama, pasangan ini dikurniai seorang anak lelaki iaitu Mohamed Neqayl, 6 tahun.

Dua kali gagal dalam perkahwinan, Nora kekal dengan prinsip tidak membuka aib bekas suami dan menjaga hubungan baik dengan kedua-duanya iaitu Nedim dan Jejai.



Erra Fazira - Engku Emran - Yusry

Primadona Erra Fazira juga pernah kecundang dua kali dalam pelayaran rumah tangga.

Erra, 50, pernah berkahwin dengan Yusry Abdul Halim pada 2003 sebelum bercerai pada tahun 2006.

Bintang filem dan penyanyi itu kemudian berkahwin semula pada 2007 dengan Engku Emran dan sekali lagi berdepan realiti pahit perceraian tujuh tahun kemudian. Pernikahan yang dibina bersama Emran membuat pasangan ini dikurniai seorang cahaya mata perempuan iaitu Engku Aleesya Engku Emran.

Meski tidak sering terlihat bersama Emran, Erra yang cukup matang dan tertutup soal peribadi diketahui membesarkan Aleesya secara bergilir dengan bekas suaminya itu.



Emma Maembong - Shazli

Hanya bertahan empat tahun dalam biduk perkahwinan, rumah tangga pelakon Emma Maembong dan Muhammad Shazli Azhar harus berakhir.

Jodoh di antara mereka tidak berpanjangan meski dikurniai dua orang anak lelaki iaitu Shariq Gabriel, 4, dan Shakil Aryan Shah yang kini berusia setahun.

Namun ramai yang kagum dan menghormati sikap Emma dan bekas suami yang tidak menghebohkan kisah perceraian apa lagi membuka aib masing-masing selepas tidak lagi bergelar suami isteri.

Emma malah memaklumkan kepada umum dirinya sudah bergelar ibu tunggal selepas tamat tempoh idah dan mengaku masih menjalin hubungan baik dengan Shazli demi masa depan anak-anak mereka. - MALIAH SURIP

Riwayat Cinta Fattah - Fazura (2017 - 2024)

Media sosial kini hangat memperbincangkan perceraian pasangan selebriti Nur Fazura dan Fattah Amin, yang sebelumnya terlihat harmoni sebagai suami isteri.

Fazura mengakui bahawa hubungan mereka tidak seindah yang dipamerkan, menyatakan telah dicurangi oleh Fattah dan tidak pernah merasakan duit raya sejak berkahwin.

Perceraian mereka, yang berlaku setelah enam tahun berkahwin, menjadi topik hangat di kalangan khalayak. Berikut riwayat cinta tak sampai ke Jannah, Fazura & Fattah Amin.

Hero Seorang Cinderella (2017)



Fattah dan Fazura mula menjalin cinta semasa penggambaran Hero Seorang Cinderella pada 2017, yang mana kedekatan mereka mencetuskan tanda pagar #FattZura di kalangan peminat.

Walaupun Fattah menafikan hubungan romantik tersebut, beberapa siri romantik seperti sambutan ulang tahun dan pemberian 500 kuntum bunga ros menunjukkan kemesraan mereka.

Beberapa bulan kemudian, Fattah mengumumkan pertunangan mereka pada 13 November 2017, sebelum berkahwin secara tertutup di sebuah hotel pada 27 November 2017.

Nur Fatima Aisyah (2020)

Bahtera rumah tangga Fazura dan Fattah berseri apabila mereka menimang seorang cahaya mata perempuan pada 2 Oktober 2020.


Bayi sulung tersebut diberi nama Nur Fatima Aisyah dan kini sudah berusia 4 tahun. Melalui perkongsian di media sosial, selepas bercerai, Fatima dipercayai tinggal bersama Fazura.

Bercerai (2024)

Pada Julai 2024, Fazura menafikan dakwaan bahawa rumah tangga mereka bersama Fattah sedang goyah, menjelaskan bahawa dia tidak tahu punca spekulasi tersebut dan menyatakan hubungan mereka baik-baik sahaja.

Namun, spekulasi itu menjadi kenyataan apabila Fazura memfailkan cerai pada 13 September 2024, dan rumah tangga yang dibina selama enam tahun berakhir pada 7 September 2024. - MALIAH SURIP

GEMPAK SINEMA



Filem: Danum
Pengarah: Khairul Al Bahkri
Pelakon: Esma Daniel, Shiqin Kamal, Zain Hamid, Marsha Milan
Genre: Aksi

Danum mengisahkan sekumpulan individu yang berhadapan dengan cabaran semasa meneroka hutan belantara, termasuk ancaman alam semula jadi dan elemen mistik. Dalam usaha untuk bertahan, mereka terpaksa mengatasi ketakutan dan rahsia diri masing-masing.



Filem: Siccin 7
Pengarah: Alper Mestçi
Pelakon: Serkan Atar, Tugba Begde, Funda Eskioglu
Genre: Seram

Kemal dan keluarganya berpindah ke rumah agam pakciknya selepas terlibat dengan mafia pengemis kanak-kanak, sambil menyembunyikan penyakit anak perempuannya, Rüya. Ibu mereka, Lale, yang menghidap Alzheimer, mencetuskan kejadian paranormal. Meral menyusup masuk dan merancang untuk menjalankan ritual pada fenomena Black Moon 2018.



Filem: Jigra
Pengarah: Vasan Bala
Pelakon: Alia Bhatt, Vedang Raina, Akansha Ranjan Kapoor
Genre: Aksi

Kisah menyayat hati seorang kakak yang berjuang melawan dunia untuk membala dendam bagi abangnya. Pengembalaan mereka untuk bersatu semula menguji ikatan, moral, dan kekuatan dalaman. Siapa yang tidak sanggup mengorbankan segalanya demi melindungi apa yang mereka miliki?

Agy, Khairul Aming, Thanuk Nukk Dominasi Carta GMW

Pempengaruh popular Agy mendominasi carta kategori Digital Creator Trending (Beauty & Fashion) pada minggu ini menewaskan Yanaa Hassan, Sofea Shra dan Jia Oh Jia.

Manakala, pempengaruh masakan Khairul Aming mengungguli carta Digital Creator Trending (Foodie). Turut bersaing kategori sama ialah Ow To The Zie, Che Sayang Kitchen dan Che Nom.

Manakala, kategori Digital Creator Trending (E-Sports) pula dimenangi oleh Thanukk Nukk menumpaskan Dibo, Achai, Gojes dan Yums.

Gempak Most Wanted menyenaraikan kandungan hiburan digital mingguan paling tular dari pelbagai platform media sosial setiap minggu.

Kandungan-kandungan ini dipilih berdasarkan pencalonan umum daripada orang awam dan jumlah undian daripada netizen di gempak.com/gempakmostwanted.

GMW bersiaran setiap hari Rabu, 11 malam di Astro Ria, On Demand & Astro GO.

Undi calon Carta Mingguan Gempak Most Wanted kegemaran anda untuk peluang melayakkan calon carta mingguan ke Top 20 GMW Awards 2024.

Undian dibuka bermula Rabu, 11.00 malam sehingga Rabu minggu hadapan, 10.30 malam.



Jom semak senarai pempengaruh dan selebriti paling trending di carta mingguan GMW.

DIGITAL CREATOR TRENDING (LIFESTYLE)

- 1 Khyerun
- 2 Aimanzsham
- 3 Fasz Nadiah
- 4 John Ow
- 5 Awang

DIGITAL CREATOR TRENDING (FOODIE)


- 1 Khairul Aming
- 2 Ow To The Zie
- 3 Che Sayang Kitchen
- 4 Che Nom
- 5 Iman Rashid

DIGITAL CREATOR TRENDING (ENTERTAINMENT)

- 1 Steph Beauty
- 2 Wan Chai
- 3 Ryan Bakery
- 4 Acap S
- 5 SharkmanZ

DIGITAL CREATOR TRENDING (BEAUTY & FASHION)

- 1 Agy
- 2 Yanaa Hassan
- 3 Sofea Shra
- 4 Raidah Nurr
- 5 Jia Oh Jia



Gempak Most Wanted
Gempak Most Wanted merupakan sebuah rancangan carta interaktif mingguan yang fokuskan segala yang trending, viral & sensasi di semua platform digital. Dihadiri oleh Amelie Henderson & Sean Lee.

Carta Mingguan Gempak Most Wanted
Undi carta mingguan Gempak Most Wanted sekarang dan temukan Top 5 setiap minggu!

HANTARKAN PENCALONAN UMUM ANDA **UNDI CALON BULAN OGOS SEKARANG!** **CARTA MINGGUAN**



Fattah Amin Menang Lumba Lari, Kalahkan Nabil Ahmad

Pelakon kacak Fattah Amin berjaya menewaskan penyampai radio Nabil Ahmad dalam program santai Lumba Lari 3 Pagi Era di perkarangan Astro Bukit Jalil pada Khamis lalu.

Fattah yang hadir berpakaian sukan lengkap turut berkongsi beberapa momen lucu sepanjang acara berlangsung, termasuk mengalami kekejangan kaki.

"Saya dengar jarak pusingan larian itu lebih kurang 2KM, berlari pula dalam keadaan cuaca yang sedikit panas tapi Alhamdulillah saya menang, mungkin Nabil yang bagi peluang saya menang," katanya berseloroh.

Astro mempersembahkan drama bersiri terbaru, 'Hikayat Bawang Putih Bawang Merah', sebuah kisah epik yang menggabungkan bakat terbaik tanah air untuk menghidupkan semula hikayat klasik ini dengan interpretasi moden, lengkap dengan kesan visual dan elemen fantasi.

'Hikayat Bawang Putih Bawang Merah' mengisahkan Putih seorang gadis yang dilayan dengan kejam oleh ibu tirinya, Mak Kundur, dan adik tirinya, Merah. Dalam usaha melarikan diri, Putih bertemu dengan Pari-Pari Embun dan Putera Badlishah yang berjanji untuk membantu Putih mengubah jalan hidupnya.

Drama ini dibintangi Mira Filzah, Nabila Huda, Kamal Adli, Datin Lisa Surihani, Shah Kimin, Amalina Arham dan Tracie Sinidol.

Siri 4 episod arahan Datuk Yusry Abdul Halim ini bakal bersiaran mulai 21 Oktober, setiap Isnin jam 9 malam di Astro Ceria (saluran 611).

Hikayat Bawang Putih Bawang Merah



Konsert Menarik Hujung Minggu Ini!

1. Konsert CIPTA 2 Datuk M. Nasir

Akan berlangsung pada 12 Oktober 2024 di Axiata Arena, Bukit Jalil. Konsert ini menjanjikan persembahan eksklusif dengan hanya 6,000 tiket disediakan, menampilkan lagu-lagu baru dan lama dari ikon muzik tanah air ini.

2. Jaclyn Victor First Solo Concert

Jaclyn Victor akan mengadakan konsert solo pertamanya sempena ulang tahun ke-20 dalam industri muzik pada 12 Oktober 2024, di Zepp Kuala Lumpur. Antara lagu yang akan dinyanyikan beliau ialah Gemilang, Di Bawah Pohon Asmara dan banyak lagi. Turut ditampilkan Siti Nordiana, Hael Husaini dan 3 Suara.

3. Konsert Telan Kaset 90'an

Akan berlangsung pada 12 dan 13 Oktober 2024 di Padang Timur, Petaling Jaya. Konsert ini membawa kembali artis-artis 90'an seperti Rahmad Mega, Zamani, dan banyak lagi. Selain muzik, festival ini juga menyajikan pelbagai makanan berasaskan mi.

4. Borneo Sonic Music Festival 2024

Akan berlangsung dari 11 hingga 12 Oktober 2024 di Stadium Sarawak, Kuching. Menampilkan artis seperti Rain, Youngjae (GOT7), Jessi, Yuna, BCL, Judika, Dolla dan ramai lagi.

5. Ronggeng Melayu


Akan berlangsung pada 12 Oktober 2024 di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur. Persembahan ini adalah sebahagian daripada program Pentas Seni Merdeka yang dianjurkan oleh Nusantara Performing Arts Research Center (NusPARC) dan Nyala Dance Theatre. Acara ini menampilkan tarian tradisional Ronggeng Melayu yang penuh anggun dan mempesonakan.

6. Konsert Sal Priadi

Penyanyi dan penulis lagu penuh berbakat asal Malang, Indonesia, pelantun lagu popular 'Gala Bunga Matahari', Salmanto Ashrizky Priadi atau lebih mesra dengan panggilan Sal Priadi, bakal menghiburkan peminat kesayangannya di Malaysia pada 13 Oktober 2024 ini, di Zep Kuala Lumpur bermula jam 8:00 malam.

Malaysia Director Adele Lim To Direct The Princess Diaries 3

Adele Lim, a renowned Malaysian director, has been chosen to direct *The Princess Diaries 3*. She is well-known for her work on *Crazy Rich Asians* and *Raya and the Last Dragon*. As a big fan of the original series, Adele expressed her excitement to lead this new project, celebrating themes of female empowerment and mentorship. Production is set to begin in 2025, and Anne Hathaway will reprise her iconic role as Princess Mia. Adele's involvement brings great pride to Malaysia.



Pantyliner Brand Sued Over Cancer-Linked Chemicals

A lawsuit has been filed against the makers of Carefree pantyliners, alleging the presence of harmful "forever chemicals" linked to cancer and reproductive issues. The lawsuit, brought by Ecological Alliance LLC in California, claims the company failed to warn consumers about perfluorooctanoic acid (PFOA) in their products, which can be absorbed through the skin. These chemicals, linked to various cancers and reproductive harm, have raised concerns, especially among users who wear the liners daily. It is unclear if the same materials are used in Carefree products outside the US.



Uncle Roger to Open Third Restaurant Despite Mixed Pavilion Reviews

Uncle Roger, the popular online personality, is set to open his third restaurant, despite mixed reactions to his Pavilion Kuala Lumpur outlet. Known for his comedic food reviews, this new venture comes after some customers expressed dissatisfaction with the Pavilion branch, particularly about pricing. However, the restaurant has garnered support from loyal fans, eager to try the dishes inspired by his humorous online persona. Uncle Roger remains confident that the new location will offer an improved dining experience.